



PERAK

MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH



KERTAS KERJA

DISEDIAKAN OLEH:

Y.BHG. PROF. MADYA DR. SHAMRAHAYU
BINTI AB. AZIZ

TARIKH:

5 FEBRUARI 2017 (AHAD)

TEMPAT:

AMANJAYA CONVENTION CENTRE,
CASUARINA@MERU BANDAR MERU RAYA,
IPOH, PERAK



PROF. MADYA DR SHAMRAHAYU BT AB AZIZ
Fellow Utama
Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK)
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

**MELAYU DAN ISLAM :
DUA ASAS PERLEMBAGAAN MALAYSIA**

MELAYU DAN ISLAM: DUA ASAS PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Shamrahayu A.Aziz

Pendahuluan

Melayu dan Islam merupakan bangsa dan agama yang disebut dengan namanya dalam Perlembagaan. Fakta ini menunjukkan bahawa keduanya merupakan elemen penting kepada Pelembagaan dan sekaligus merupakan asas kepada Perlembagaan Persekutuan. Ketika ini ramai antara kita sudah agak faham tentang fakta ini. Namun, kefahaman tersebut masih perlu diperkasakan dengan wacana-wacana dan perbincangan yang lebih sistematik dan intelektual. Ini meliputi bukan sahaja kefahaman, tetapi juga penghayatan yang seterusnya akan membolehkan manifestasi yang lebih menyeluruh ke atas kesan dua perkara ini dalam pelaksanaannya. Peruntukan-peruntukan perlembagaan, termasuk peruntukan berkaitan Melayu dan Islam akan hanya menjadi perhiasan sekiranya ia tidak dimanifestasikan atau direalisasikan dalam kehidupan sebenar bernegara.

Kertas kerja ini cuba membawa kepada para hadirin dan peserta muzakarah tentang dua perkara asas dalam Perlembagaan Malaysia, iaitu Melayu dan Islam. Analisis akan dibuat kepada peruntukan Perlembagaan yang berkenaan kedua-duanya. Dalam perbincangan itu akan disentuh juga implikasi peruntukan-peruntukan berkaitan dan akan cuba dihidangkan juga tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi tujuan merealisasikan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang berkenaan. Sementara itu, "Perlembagaan Malaysia" yang digunakan dalam tajuk kertas kerja ini merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga Perlembagaan Negeri-Negeri. Ia tidak merujuk kepada Perlembagaan sempena penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan yang telah digubal pada tahun 1957 dengan beberapa pindaan bagi mengharmonikan kemasukan Sabah Sarawak dan Singapura.

Melayu ditafsir, diberikan kepentingan dan keistimewaan, diberikan dijadikan syarat layak menjadi Menteri Besar. Agama Islam dikekalkan dengan diisytiharkan sebagai agama bagi Persekutuan. Di samping itu institusi-institusi seperti institusi pendidikan dan mahkamah yang beridentitikan Islam dijamin kedudukannya. Paling utamanya, Ketua Negara di peringkat Persekutuan, iaitu Yang di-Pertuan Agong dan Ketua Utama Negara, iaitu Sultan-sultan hendaklah seorang yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Baginda-baginda pula, mengambil sumpah untuk mentadbir negara dengan adil dan saksama bersandarkan kepada Perlembagaan dan undang-undang dan pada setiap masa menjaga agama Islam. Islam bukan sahaja diangkat sebagai agama bagi Persekutuan, tetapi dikekalkan juga dalam Perlembagaan negeri-negeri.¹ Negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu, sebagai pemangkin penubuhan Persekutuan pada tahun 1957 telah sekian lama menerima Islam sebagai agama bagi negeri-negeri. Islam telah begitu tertanam dalam tanah dan mengalir dalam air bagi negeri-negeri tersebut dalam jarak masa yang begitu lama. Walaupun melalui zaman penjajahan yang amat panjang, bermula 1511 dengan kejatuhan Kota Melaka, sehinggalah empat atau lima episod penjajahan sebelum

¹ Perlembagaan Negeri Johor, Perkara 57 (Bhg. 1); Perlembagaan Negeri Kedah, Perkara 33A; Perlembagaan Negeri Kelantan, Perkara 5; Perlembagaan Negeri Melaka, Perkara 167; Perlembagaan Negeri Sembilan, Perkara 5; Perlembagaan Negeri Pahang, Perkara 23 (Bhg. 1); Perlembagaan Pulau Pinang, Perkara 5; Perlembagaan Negeri Perak, Perkara 5; Perlembagaan Negeri Perlis, Perkara 5; Perlembagaan Negeri Sabah, Perkara 5A; Perlembagaan Negeri Selangor, Perkara 47 (Bhg. Ke-2); Perlembagaan Negeri Terengganu, Perkara 3

mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 Islam tetap kekal tertanam dalam jiwa dan sanubari orang-orang Melayu. Ia amat terserlah dalam adat, budaya, istiadat, bahkan perundangan. Jangkamasa penjajahan selama 446 tahun itu walaupun sedikit sebanyak menghakis amalan dan perundangan Islam, tetapi tidak berjaya meletakkan Islam daripada Melayu atau Melayu daripada Islam. Keduanya kekal sinonim dan mempunyai hubungan yang begitu simbiotik sehinggalah Perlembagaan Persekutuan, sebuah Perlembagaan bertulis yang baharu dibentuk bagi tujuan kemerdekaan telah mengisytiharkan Islam sebagai agama bagi negara dan mengekalkan institusi-institusi Islam serta mengiktiraf kedudukan dan kepentingan bangsa Melayu.

Bagi Sabah dan Sarawak pula, semasa penubuhan Malaysia, perkara pertama dalam Senarai 20 Perkara, yang merupakan asas-asas perbincangan bersama Inter-Governmental Committee (IGC) atau Lansdowne Committee, ada dinyatakan bahawa "Agama - Islam sebagai agama resmi Malaysia tetapi agama resmi sepatutnya tidak akan diadakan di Sabah dan segala perundangan mengenai agama Islam yang terkandung dalam Perlembagaan Tanah Melayu tidak harus digunakan di Sabah". Mengenai Bahasa Melayu pula, Perkara Kedua menyebut "Bahasa- Bahasa Melayu harus dijadikan Bahasa Kebangsaan Persekutuan, namun penggunaan bahasa Inggeris harus diteruskan untuk tempoh 10 tahun selepas Hari Malaysia."

Oleh itu, Perlembagaan boleh dikatakan sebagai dokumen yang kesinambungan daripada sejarah lampauya. Ini kerana Perlembagaan tidak dapat dipisahkan daripada sejarah dan juga faktor-faktor yang menyumbang kepada penggubalannya.

Sejarah Gubalan Perlembagaan

Sejarah gubalan Perlembagaan dalam sub-tajuk ini cuba membawa kepada peserta Muzakarah yang dimulakan, berkaitan aspek Melayu dan Islam sahaja. Ia tidak menyingkap sejarah yang terlalu panjang, tetapi cuma membawakan sejarah berkaitan sahaja.

Sejak sebelum merdeka lagi negeri-negeri Melayu telah mempunyai peruntukan yang jelas mengenai kedudukan Islam sebagai agama bagi negeri-negeri. Misalnya Perkara VII Perlembagaan Negeri Johor 1895, dan peruntukan Bab 51 Perlembagaan Negeri Terengganu 1911. Kewujudan peruntukan sebegini dengan jelas meletakkan Islam sebagai agama bagi negeri-negeri Melayu tersebut. Sejarah keberadaan Islam dalam sistem perundangan dan fabrik sosial dan budaya negara tidak dapat disangkal oleh sesiapa jua. Dalam teks undang-undang, seperti yang telah disebut di atas, Perlembagaan negeri Johor 1895 dan Perlembagaan Negeri Terengganu 1911 mempunyai peruntukan bahawa Islam adalah agama bagi negeri-negeri tersebut sehingga dinyatakan dengan jelas sekali bahawa negeri-negeri tersebut adalah negeri-negeri "Islamiyyah Malayuwiyyah"; iaitu negeri-negeri yang beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Semasa sebelum merdeka juga, dalam hal perundangan banyak dokumen undang-undang yang menjelaskan tentang kedudukan Islam dalam perundangan negara sehingga akhirnya ia disambut oleh keputusan Mahkamah pada tahun 1927 dalam kes *Ramah binti Taat lwn Laton binti Malim*.² Keputusan kes ini mengiktiraf bahawa undang-undang Islam bukan undang-undang asing bagi Tanah Melayu (*Islamic law is not a foreign law*). Walau apapun juga tujuan kenyataan hakim dalam kes *Ramah Laton* ini, ia memberi kesan bahawa undang-undang Islam telah lama bertapak di negara ini dan kedudukannya itu mendapat pengiktirafan mahkamah yang hakimnya adalah orang Inggeris.

² *Ramah binti Taat lwn Laton binti Malim* [1927] FMSLR 128

Walaupun sejarahnya begitu, pada pemerhatian saya, masih ramai lagi antara khalayak yang menganggap Perlembagaan Persekutuan adalah legasi British kerana drafnya dibuat oleh sebuah Suruhanjaya Perlembagaan yang dikenali sebagai Suruhanjaya Reid. Oleh kerana tiada seorang pun wakil orang-orang Tanah Melayu berada dalam Suruhanjaya Reid maka dianggap bahawa Perlembagaan itu mengandungi idea dan pandangan Inggeris sahaja. Namun adalah didapati bahawa lantikan Suruhanjaya Reid telah dibuat oleh Ratu England dan juga Raja-Raja Melayu.

Lantikan tersebut telah disertakan dengan terma-terma tertentu dan mensyaratkan bahawa Suruhanjaya melaksanakan tugas merangka Perlembagaan Persekutuan berdasarkan terma-terma lantikan tersebut. Petikan daripada Laporan Suruhanjaya Perlembagaan mengenai terma rujukan adalah seperti berikut:

"3. The members of the Commission were appointed in the name of Her Majesty the Queen and Their Highnesses the Rulers with the terms of reference as follows:

To examine the present constitutional arrangements throughout the Federation of Malaya, taking into account the position and dignities of Her Majesty the Queen and of Their Highnesses the Rulers: and

To make recommendation for a federal form of constitution the whole country as a single, self-governing unit within the Commonwealth based on Parliamentary Democracy with a bicameral legislature, which would include provision for

- (i) The establishment of a strong central government with the States and Settlements enjoying a measure of autonomy (the question of residual legislative power to be examined by, and to be the subject of recommendations by the Commission) and with machinery for consultation between the central Government and the States and Settlements on certain financial matters to be specified in the Constitution;
- (ii) The safeguarding of the position and prestige of Their Highnesses as constitutional Rulers of their respective States;
- (iii) A Constitutional Yang di-Pertuan Besar (Head of State) for the Federation to be chosen from among Their Highnesses the Rulers
- (iv) A common nationality for the whole of the Federation
- (v) The safeguarding of the special position of the Malays and legitimate interests of other communities

4. Two understandings were reached at the London Conference in relation to these terms of reference. First it was understood that nothing in the terms of reference proposed for the Constitutional Commission was to be taken as in anyway prejudging the position of the Her Majesty the Queen in relation to the Settlements of Penang and Malacca; and second, the sub-section (iv) of the terms of reference was not to be taken as precluding the Commission from making the recommendations which would allow British subjects or subjects of Their Highnesses the Rulers to retain their status as such after they had acquired the proposed common nationality

5. The agreement of the Conference of Rulers to the terms of reference and the two understandings was subject to a rider which read as follows:- 'Their Highnesses wish it to be understood that they do not wish the word "nationality" in paragraph (iv) to be interpreted by the Commission in a strict legal sense but to be used wide enough to include both nationality and citizenship so that, if the Commission so wishes, it can preserve the combination of nationality and citizenship which is expressed in the Federation of Malaya Agreement, 1948, but naturally without any restriction on the expansion of citizenship so as to produce what in effect would be a "common

nationality". The terms of this rider were accepted by Her Majesty's Government and conveyed to our Chairman".³

Berdasarkan kepada terma-terma lantikan ini, Suruhannya Reid tidak boleh membuat sesuatu perutusan yang di luarnya. Terma lantikan ini agak jelas menunjukkan peranan Raja-Raja Melayu dalam gubalan Perlembagaan dan sekaligus menjelaskan kedudukan Melayu dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Semasa Suruhanjaya Reid mengumpul maklumat bagi tujuan pembinaan deraf pertama Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Raja-Raja Melayu telah menyerahkan satu memorandum untuk diambil perhatian oleh Suruhanjaya. Memorandum Raja-Raja tersebut seterusnya telah dibicarakan atau telah didengar secara formal oleh Suruhanjaya Reid. Perbicaraan tersebut dinamakan *Hearing of Counsel on Behalf of Their Highnesses the Rulers* telah dilaksanakan di Kuala Lumpur selama dua hari, mulai 14 hingga 15 September 1956 bertempat di *Executive Council Chamber*, Jalan Maxwell, Kuala Lumpur. Raja-Raja telah diwakili oleh dua orang peguam, iaitu Mr Neil Lawson, Q.C. Perbicaraan dihadiri oleh Tuan Haji Abdul Wahab bin Abdul Aziz, Dato' Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak, Encik Shamsudin bin Nain, Menteri Besar Negeri Sembilan, Encik Mohd Suffian bin Hashim, Setiausaha Negeri Pahang, Mr M.G. Neal (peguam pembantu kepada Mr Neil Lawson) dan beberapa orang lagi sebagai wakil-wakil menteri besar. Dalam perbicaraan tersebut, suara raja-raja telah dibawakan kepada Suruhanjaya Reid melalui penerangan tentang Memorandum yang setebal 54 muka surat dan mengandungi 21 seksyen itu telah dihuraikan oleh peguam Neil Lawson sebagaimana hasrat raja-raja.

Antara perkara-perkara yang dinyatakan dalam Memorandum berkenaan Melayu dan Islam, antara lain ialah: Pertama, seksyen 1, yang menegeaskan tentang status Raja-Raja yang mana, selain daripada persetujuan untuk membentuk sebuah negara Persekutuan perkara-perkara berkaitan raja-raja tidak boleh dikurangkan. Kedua, pada seksyen 6, yang diberikan tajuk *Matters of Special Responsibilities*, bicara tentang kedudukan istimewa orang-orang Melayu disebut dalam empat aspek, iaitu berkaitan tanah rezab, lantikan kepada jawatan, keistimewaan pendidikan dan keistimewaan ekonomi. Pada pandangan raja-raja, perkara-perkara yang empat tersebut perlu dimasukkan dalam Perlembagaan bagi kepentingan Bangsa Melayu, tetapi baginda raja-raja tidak menolak kemungkinan dalam masa yang tidak berapa lama, setelah kemajuan orang Melayu pada kadar yang agak tinggi, untuk menghapuskan perkauman (eliminate communalism). Semua keistimewaan Melayu tersebut boleh disemak semula dalam masa tertentu, kecuali tanah rezab Melayu.

Ketiga, seksyen 18. Seksyen ini menyebut tentang Bahasa Rasmi. Baginda mencadangkan supaya bahasa rasmi ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tetapi, soal bahasa rasmi hendaklah diberikan perhatian dalam kajian dan peruntukan patut dibuat dalam Perlembagaan untuk memastikan bahawa suatu badan ditubuhkan untuk mengkaji dan membuat cadangan mengenai perkara ini pada tempoh yang sesuai.

Keempat, seksyen 19. Seksyen 19 Memorandum Raja-Raja ini mempunyai tajuk *The Position of the Muslim Faith*. Mengenai persoalan jaminan kepada kebebasan beragama dan toleransi agama, raja-raja menunjukkan bahawa di bawah perkiraan perlembagaan ini, agama Islam (Muslim Faith) adalah perkara yang disebut negeri-negeri. Raja-Raja yang menjalankan kuasa berkaitan agama Islam dalam wilayah masing-masing dan jaminan kebebasan beragama adalah dipelihara oleh perlembagaan negeri-negeri (States Constitutions). Baginda raja-raja menyatakan dengan jelas sekali bahawa *London discussions* tidak mencampuri urusan agama Islam. Raja-raja tidak menolak toleransi agama kerana faktor keselamatan, tetapi "*interference with the present position of*

³ Lihat Laporan Suruhanjaya Reid

Muslim faith would, at the present time, be fraught with danger to the internal security of the Federation and to the success of the campaign against subversive elements".

Pada bulan Februari 1957, Laporan kerja Suruhanjaya dan draf pertama Perlembagaan diumumkan. Ia mendapat respons yang agak meluas dan banyak perbincangan dan perincian telah dibuat dan banyak pedapat telah dinilai. Antara perkara yang mendapat perhatian ialah tiadanya peruntukan berkaitan pengisytiharan agama Islam dalam draf tersebut. Selain itu, terdapat banyak juga tentangan mengenai peruntukannya. Justeru satu lagi jawatankuasa yang terdiri daripada 11 orang ahli, iaitu 4 orang wakil Raja-raja Melayu, 4 orang wakil Kerajaan Perikatan, Pesuruhanjaya Tinggi British, Ketua Setiausaha dan Peguam Negara telah dibentuk untuk mengkaji semula draf perlembagaan tersebut.

Hasil daripada perjumpaan, mesyuarat, perbincangan dan memorandum yang diserahkan oleh pelbagai pihak, Suruhanjaya Reid telah membuat draf kedua Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya draf tersebut telah dibentang, dibahas dan diluluskan di Parlimen British. Seterusnya Perlembagaan tersebut telah dibawa ke Tanah Melayu dan ia telah sekali lagi dibentang, dibahas dan diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. (ketika itu kita belum lagi mempunyai Parlimen sebagaimana keadaan sekarang).

Setelah tamatnya perbahasan dalam Majlis Perundangan Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan pada 27 Ogos 1957. Ia dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957. Tarikh penguatkuasaannya adalah juga bersempena pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu.

Perlembagaan yang diperkenalkan serentak dengan kemerdekaan adalah disandarkan kepada Perlembagaan negeri-negeri Melayu yang pada mulanya digarap dalam Perjanjian Tanah Melayu 1948.

Sementara itu, bagi Perlembagaan negeri-negeri, Suruhanjaya Reid pada asalnya tidak begitu pasti tentang tugas mereka. Adakah Suruhanjaya Reid dikehendaki juga menderaf Perlembagaan negeri-negeri. Namun, selepas mendapat kepastian daripada raja-raja Melayu, Suruhanjaya Reid hanya dikehendaki menyediakan satu draf peruntukan yang meletakkan prinsip-prinsip umum atau perkara-perkara yang perlu diselaraskan antara negeri-negeri. Oleh itu, yang kita dapati sekarang ialah Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang diberi tajuk "Peruntukan yang hendaklah dimasukkan ke dalam Perlembagaan Negeri". Sekiranya diperhatikan peruntukan Perlembagaan-Perlembagaan negeri yang kita ada sekarang, kita dapati semua peruntukan yang dicadangkan dalam Jadual Kelapan itu telah dimasukkan dan Perlembagaan-Perlembagaan tersebut juga mengandungi peruntukan-peruntukan khusus bagi negeri-negeri sebagaimana kehendak negeri.

Perlembagaan sebagai Undang-undang Utama

Sebagai Perlembagaan bertulis, Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi negara. Oleh itu, Perlembagaan itu sendiri menyatakan bahawa ia adalah undang-undang utama Persekutuan. Pasal 4 (1) Perlembagaan Persekutuan menekankan, antara lain, bahawa Perlembagaan adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang tidak konsisten dengannya hendaklah diisytiharkan batal dan tidak sah setakat ketidakselarasan itu. Apa peruntukan yang pada dasarnya bertujuan untuk menubuhkan di sini adalah untuk membuat Perlembagaan penanda aras segala-galanya; daripada undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen kepada dasar-dasar kerajaan dan juga hubungan antara individu dan kerajaan.

Kita harus ingat bahawa walaupun Perlembagaan menyatakan bahawa ia adalah undang-undang tertinggi, namun, ia masih lagi bergantung pentafsiran yang dibuat oleh mahkamah mengenainya. Seperti yang ada, Mahkamah Persekutuan pada dasarnya merupakan mahkamah yang tertinggi dalam negara dan pada Mahkamah Persekutuan terletak kuasa mentafsir Perlembagaan.

Satu perkara lagi yang perlu diingat bahawa Perlembagaan tidak jelas dalam semua perkara. Butiran dan rutin mentadbir negeri hampir ditinggalkan di tangan eksekutif. Ini menjadikan eksekutif sebagai badan yang berpengaruh. Sekiranya kita mengambil amalan Westminster kerajaan mampu mengawal badan perundangan, dan ini bermakna bahawa walaupun undang-undang boleh dibuat, tetapi kuasa yang banyak adalah dalam tangan pihak eksekutif. Seperti di negara-negara lain, eksekutif mempunyai suara yang besar dalam pelantikan hakim-hakim. Oleh itu walaupun Perlembagaan telah menyediakan perlindungan untuk kebebasan badan kehakiman ia tidak selalunya mudah bagi hakim untuk kebebasan mereka, terutama apabila ia datang untuk menghakimi perkara-perkara yang melibatkan pihak berkuasa persekutuan, seperti eksekutif. Sebagaimana yang ditunjukkan kemudian, mahkamah tidak konsisten dalam keputusan, dan ternyata bahawa apabila ia datang kepada masalah, hakim-hakim cenderung untuk mengelakkan konflik secara langsung dengan kerajaan yang memerintah. Dan ini seolah-olah menjadi trend sebelum krisis kehakiman pada tahun 1988, yang berakhir dengan pemecatan Ketua Hakim Negara Salleh Abas, ketua Badan Kehakiman.

Seperti di negara-negara lain, gubalan Perlembagaan menandakan satu permulaan baru. Walau bagaimanapun, seperti yang ditunjukkan di atas, Perlembagaan juga, dengan cara ada, merupakan kesinambungan daripada regim yang lama; beberapa ciri-ciri ini adalah berdasarkan pada zaman Melaka dan tempoh berikutnya sebelum kedatangan pentadbiran British. Ini termasuk kedudukan dan peranan raja-raja, terutama berkenaan dengan Islam dan adat Melayu. Ia adalah menarik untuk diambil perhatian bahawa peruntukan yang menyediakan 'kedudukan istimewa' untuk orang Melayu di bawah Perlembagaan hari ini adalah betul-betul serupa dengan peruntukan yang bersamaan di bawah rejim perlembagaan 1948, terutamanya Perkara 19(d).

Sementara itu, pentadbiran British telah meninggalkan agak kesan mendalam dalam sistem yang termasuk penggunaan undang-undang Common Law Inggeris. Bagaimanapun, sumber undang-undang ini hanya dapat digunakan apabila terdapat lakuna, iaitu bilamana terdapat kekosongan dalam undang-undang dan Common law itu dapat disesuaikan dengan keadaan setempat.

Hierarki sumber undang-undang di Malaysia meletakkan Perlembagaan sebagai undang-undang utama dan tertinggi. Di bawah Perlembagaan adalah undang-undang, iaitu undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Persekutuan iaitu Parlimen dan undang-undang ini dikenali sebagai Akta. Di bawah Akta ialah Enakmen, iaitu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri (Dewan Undangan Negeri atau DUN) . Sumber-sumber lain dalam susunan keutamaan adalah keputusan kehakiman, undang-undang Common Law Inggeris dan undang-undang adat.

Berkenaan dengan undang-undang Islam, Perlembagaan dan undang-undang biasa mendiamkan diri mengenai perkara itu. Walau bagaimanapun, itu tidak bermakna bahawa undang-undang Islam tidak mempunyai tempat dalam sistem undang-undang. Ini kerana beberapa peruntukan dalam Perlembagaan, terutama di negeri-negeri, sama ada Islam atau mesra-Islam. Ini termasuk peruntukan yang mengawal selia penggantian takhta serta perlindungan yang diberikan kepada Islam seperti yang dinyatakan sebelum ini. Selain daripada peruntukan-peruntukan ini, beberapa undang-undang, seperti yang terdapat pada perkara-perkara hal ehwal suami isteri

Muslim dan perbankan Islam. Namun, trend atau keadaan semasa yang dapat dilihat ialah undang-undang Islam hendaklah dikanunkan iaitu melalui proses gubalan sebagai undang-undang lain juga, diperkenal dan hendaklah diluluskan oleh badan perundangan di peringkat persekutuan atau negeri. Ia tidak benar untuk menyatakan bahawa Islam menganggap cukup pengaruh yang besar dalam proses membuat undang-undang di Malaysia - sesuatu yang amat jelas dalam bidang undang-undang jenayah Islam. Ini adalah sebahagian daripada dimensi yang telah diabaikan oleh pényokong pandangan yang menegaskan bahawa Art. 4 (1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia meminggirkan Islam di dalam sistem.

Perlembagaan Menjamin Agama Islam

Salah satu sifat unik Perlembagaan Malaysia adalah bahawa ia tidak mempunyai mukadimah. perlembagaan moden yang lain seperti yang Amerika menegaskan sifat demokratik. Sebahagian yang lain, seperti Perlembagaan India, menyatakan sifat sosialis dan sekular dokumen Perlembagaan itu. Dokumen yang menyertai Perlembagaan Malaysia semasa gubalannya dan pengisiannya dengan agak jelas meletakkan sifat agama padanya.

Ciri agama dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dilihat dengan jelas dalam peruntukan Perkara 3.⁴ Perkara 3(1) memperuntukkan bahawa "Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan". Islam sebagai agama bagi Persekutuan ini telah dikatakan sebagai elemen tradisi,⁵ ciri asas (basic feature),⁶ struktur asas (basic structure),⁷ dan karekter unik (unique character)⁸ kepada Perlembagaan Persekutuan. Pernah dicadangkan bahawa antara kesan Perkara 3(1) ini ialah, Islam menjadi ideologi Negara.⁹

Maksud dan niat tentang pengiktirafan Islam sebagai agama bagi Persekutuan tidak diberikan penjelasan yang sempurna oleh Suruhanjaya Reid, kecuali kenyataan dalam Laporrannya bahawa, "it shall not impose any disability on non-Muslim nationals professing and practising their own religions and shall not imply that the State is not a secular State."¹⁰ Sementara itu, dalam pendapat berasingannya, Hakim Abdul Hamid, sebagai salah seorang ahli Suruhanjaya, menyatakan bahawa peruntukan mengenai Islam dalam Perlembagaan adalah hasil daripada persetujuan semua pihak dan ia tidak menafikan hak kebebasan beragama mereka yang tidak menganut agama Islam.

Walau bagaimanapun, peruntukan 3(1) ini menunjukkan kedudukan Islam yang jelas dan Islam telah diberi pengiktirafan khas dalam undang-undang tertinggi. Banyak keputusan mahkamah yang telah memperakui

⁴ Untuk bacaan lanjut lihat Shamrahayu A. Aziz, "Islam is the Religion of the Federation – its Meaning and Implication" (2005) 14 IIUMLJ 33 – 49; Shamrahayu A. Aziz, "Some Thoughts on the Relationship between Law and Religion in Malaysia" [2009] 1 CLJ xix; Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia, 2010

⁵ Mohamed Salleh bin Abas, *Selected Articles and Speeches on Constitution, Law & Judiciary*, (Malaysian Law Publishers Sdn Bhd, 1984), ms. 42.

⁶ Mohamed Suffian, *An Introduction to the Legal System of Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1989, ms. 10.

⁷ Hujah "struktur asas" (basic structure) telah dicadangkan oleh peguam terpelajar dalam kes *Phang Chin Hock v. Public Prosecutor* [1979] 1 LNS 67, [1980] 1 MLJ 70. Walaupun hujah ini tidak diterima secara spesifik oleh Mahkamah Persekutuan, tetapi mahkamah tidak pula menolaknya

⁸ Abdul Aziz Bari, *Malaysian Constitution a Critical Introduction*, Kuala Lumpur: The Other Press, 2003, ms. 46.

⁹ *Ibid*, Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia, 2010

¹⁰ Lihat para. 169, Laporan Suruhanjaya Perlembagaan, 1956 – 1957; boleh juga didapati dalam Kevin Y.L. Tan & Thio Li-ann, *Constitutional Law in Malaysia & Singapore*, Edisi Ke-2, Singapura: Butterworths Asia, 1997, ms. 930 – 985 (Appendix A).

kedudukan Islam dalam Perlembagaan.¹¹ Berkaitan, Perkara 3(1) ini mengandungi dua aspek iaitu (i) Islam adalah agama bagi Persekutuan dan (ii) amalan agama lain adalah dibenarkan dalam keadaan aman dan damai.

Di samping Perkara 3(1), Perlembagaan juga mempunyai beberapa peruntukan lain yang memberikan kedudukan istimewa dan selesa kepada Islam. Peruntukan-peruntukan tersebut termasuklah pengiktirafan Perlembagaan terhadap undang-undang yang mengawal dan menyekat pengembangan agama atau doktrin dalam kalangan umat Islam.¹² Perlembagaan juga menyebut dengan jelas bahawa kerajaan boleh menubuh, menyenggara institusi agama Islam dan juga menyalurkan bantuan kewangan bagi tujuan pendidikan agama Islam sebagaimana dengan jelas diperuntukkan “adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.”¹³

Selain daripada itu, kandungan Perlembagaan berkenaan sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara mengukuhkan lagi kedudukan Islam. Sumpah jawatan tersebut, sebagaimana nyatanya dalam Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan, meletakkan tanggungjawab Perlembagaan ke atas Yang di-Pertuan Agong untuk sentiasa memelihara kedudukan Islam. Secara harfiah lafaz sumpah tersebut berbunyi, “...Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam... ..”.

Perkara 150(6A) menjaga kedudukan undang-undang Islam semasa keadaan darurat, yang mana, walaupun Parlimen atau Yang di-Pertuan Agong boleh membuat undang-undang berkaitan apa sahaja dan bertentangan dengan Perlembagaan, kedua-dua institusi itu tidak boleh berbuat sesuatu yang memberi kesan negatif ke atas undang-undang Islam.¹⁴

Oleh itu, sekiranya membincangkan tentang kedudukan Islam dalam Perlembagaan, kita tidak boleh menghadkannya hanya kepada Perkara 3(1) sahaja. Kesemua peruntukan lain yang disebut di atas juga

¹¹ *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2004] 6 CLJ 242 - Islam mempunyai tempat yang dominan (Islam is at a dominant status); *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2005] 4 CLJ 666; *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Yang Lain lwn. Fatimah bte Sihi & Yang Lain* [2000] 1 CLJ 393, [2000] 5 MLJ 375; *Fatimah bte Sihi & Ors v. Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors* [2005] 2 CLJ 255, [2005] 3 AMR 11; *ZI Publications Sdn Bhd (Company No. 398106-W) & Mohd Ezra Bin Mohd Zaid lwn Kerajaan Negeri Selangor* (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor sebagai Pencelaha-Pencelaha) [http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012\(B\).pdf](http://www.kehakiman.gov.my/directory/judgment/file/1-12-2012(B).pdf);

¹² Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11(4) dan Butiran 1 dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan

¹³ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 12(2)

¹⁴ Perkara 150 (5) Tertakluk kepada Fasal (6A), semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa, Parlimen boleh, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara, jika didapati oleh Parlimen bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi suatu Rang Undang-Undang untuk sesuatu undang-undang yang sedemikian atau bagi sesuatu pindaan kepada sesuatu Rang Undang-Undang yang sedemikian, dan juga tidaklah terpakai mana-mana peruntukan Perlembagaan ini atau peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang menghendaki apa-apa keizinan atau persetujuan bagi meluluskan sesuatu undang-undang atau apa-apa rundingan mengenainya atau yang menyekat permulaan kuat kuasa sesuatu undang-undang selepas undang-undang itu diluluskan atau yang menyekat Rang Undang-Undang daripada dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya.

(6)Tertakluk kepada Fasal (6A), tiada peruntukan mana-mana ordinan yang dimasyhurkan di bawah Perkara ini, dan tiada peruntukan mana-mana Akta Parlimen yang diluluskan semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa dan yang mengisytiharkan bahawa didapati oleh Parlimen undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat, boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini.

(6A) Fasal (5) tidak boleh memperluas kuasa Parlimen mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak; dan juga Fasal (6) tidak boleh menjadikan sah mana-mana peruntukan yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan ini yang berhubungan dengan apa-apa perkara sedemikian atau berhubungan dengan agama, kewarganegaraan atau bahasa.

berkaitan Islam dan mempunyai implikasi secara langsung atau tidak langsung kepada amalan dan pentadbiran Negara. Semuanya hendaklah dibaca beriringan.

Kaedah membaca Perlembagaan seperti itu akan memberikan kita pemahaman yang menyeluruh mengenai Perlembagaan. Ia seterusnya dapat memberikan ruh kepada setiap patah pengisian Perlembagaan. Pemahaman yang menyeluruh ini akan dapat membawa kita kepada penghayatan sebenar seluruh isi kandungan Perlembagaan. Bagi tujuan perbincangan di sini ia memberi pemahaman menyeluruh mengenai kedudukan Islam dalam Perlembagaan dan juga kesannya. Walaupun per. 3(4) menyatakan bahawa "Tiada apa-apa jua dalam ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini", ia tidak menyekat kita untuk memberi erti atau membuat tafsiran berkaitan kedudukan Islam yang diperjelas oleh peruntukan-peruntukan lain dalam Perlembagaan tanpa menyandarkannya semata-mata kepada per.3(1).

Ini kerana Perlembagaan merupakan tulang belakang falsafah negara, sumber utama pentadbiran dan asas perundangan Negara. Kita hendaklah faham tentang kaedah membaca dan mentafsir Perlembagaan. Sebagai undang-undang tertinggi Negara, pemahaman yang tepat ke atas setiap peruntukannya sangat penting. Atas sifat Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi Negara juga, setiap patah dan fasal dalam Perlembagaan berkehendakkan kepada perhatian sewajarnya. Dalam membaca Perlembagaan, kita tidak boleh, dalam ungkapan Inggeris 'cherry pick', iaitu memilih peruntukan yang menyokong hujah kita sahaja tetapi mengabaikan peruntukan lain yang tidak menepati kehendak kita.

Pembacaan dan pentafsirannya juga meletakkan prinsip konstruksi harmoni dan lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Peruntukan Perlembagaan hendaklah dianggap harmoni antara satu sama lain. Prinsip ini bertujuan memastikan kesemua peruntukan Perlembagaan diberikan nadi dan saraf masing-masing mengikut keperluan dan niat ia dimuatkan dalam Perlembagaan. Setiap satunya juga hendaklah diselaraskan antara satu sama lain sekiranya peruntukan Perlembagaan itu kelihatan seolah-olah berbeza atau bercanggahan antara satu sama lain. Dengan cara ini setiap peruntukan diraikan peranan dan tujuan, bukan setakat yang jelas lafziyyahnya tetapi juga ruh dan semangatnya yang tidak tertera dalam bentuk tulisan (the unwritten rules), tanpa meremehkan peruntukan lain. Pendekatan tafsiran sebegini juga akan menjadikan Perlembagaan relevan dan mudah untuk diterima pakai dalam apa juga keadaan dan masa.

Implikasi kedudukan Islam dalam Perlembagaan

Terdapat beberapa implikasi penting daripada peruntukan berkenaan Islam dalam Perlembagaan. Implikasi-implikasi tersebut termasuklah, Perkara 3 mengesahkan Islam adalah agama bagi Persekutuan; Perkara 3 menafikan pemisahan antara agama Islam dan pentadbiran negara, bahkan ia telah meletakkan tanggungjawab ke atas negara untuk memastikan pelaksanaan Islam; dan Perkara 3 menjamin kebebasan beragama; Perkara 3 menyatakan bahawa pentadbiran dan perundangan Islam adalah urusan negeri-negeri.

Mengesahkan Islam Agama Persekutuan

Sebelum kita boleh menilai implikasi Perkara 3 mengenai struktur Perlembagaan keseluruhan, kita perlu melihat peruntukan ini dalam konteksnya. Hakim Abdul Hamid (Ahli Suruhanjaya Reid, wakil dari Pakistan) dalam nota perbezaannya ada mencadangkan bahawa peruntukan itu akan diungkap, sebagai "Islam hendaklah menjadi agama Negeri Tanah Melayu ...". Walau bagaimanapun, cadangan itu tidak diambil bulat-bulat oleh Suruhanjaya Reid. Peruntukan ini telah diungkap sebagai 'Islam ialah agama bagi Persekutuan...' merupakan ungkapan yang digunakan dalam Kertas Putih yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan bagi mengkaji draf

awal Perlembagaan Persekutuan. Perkataan 'ialah' yang digunakan dalam Perkara 3(1) dan bukan perkataan 'hendaklah' merupakan satu penegasan fakta tentang keadaan yang berterusan sebelum merdeka.

Dari perspektif sejarah, Islam telah diterima tanpa persoalan sebagai agama bagi negeri-negeri yang membentuk Persekutuan. Islam juga telah diterima dalam semua negeri sama ada dalam amalan atau dalam Perlembagaan negeri. Oleh itu, peruntukan yang dimuatkan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan ini adalah transplantasi, pemindahan, daripada amalan dan peruntukan Perlembagaan negeri ke dalam Perlembagaan Persekutuan untuk diberikan pengiktirafan yang sah dan rasmi kepada agama Islam sebagai agama negara.¹⁵ Perkataan "rasmi" yang saya gunakan di sini bukan bermaksud Islam hanya digunakan untuk upacara rasmi atau upacara, "official and ceremonies" yang digunakan oleh Hakim Yang Arif dalam kes *Che Omar Che Soh*. Saya menggunakan istilah "rasmi" di sini untuk menunjukkan bahawa agama Islam adalah Agama Negara (State Religion) yang telah diisytiharkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang baharu ditulis sempena menyempurnakan kemerdekaan Tanah Melayu. Dalam gaya bahasa undang-undang, agama Islam "provision on Islam as the State religion has been *entrenched* in the Federal Constitution".

Oleh itu, Islam sebagai agama bagi Persekutuan telah secara sah atau rasminya diisytihar dalam Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya Perlembagaan tidak menerima atau tidak mengesahkan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, nescaya Islam tidak berada dalam undang-undang tertinggi negara. Sekiranya begitu, kesannya nanti ialah, Islam tidak akan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan atau panduan dalam tatacara hidup bernegara di peringkat Persekutuan walaupun Islam adalah agama bagi negeri-negeri.

Dalam membahaskan isu ini, perkara yang perlu diambil perhatian ialah, sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, ia bukan sebuah negara yang diiktiraf sebagai sebuah 'negara' dalam konteks undang-undang antarabangsa. Ini kerana Tanah Melayu pada ketika itu berada di bawah penjajahan atau pentadbiran British. Bagi menjadi sebuah negara yang merdeka, Persekutuan Tanah Melayu hendaklah menerima sebuah Perlembagaan bertulis di peringkat Persekutuan, yang dinamakan sebagai Perlembagaan Persekutuan. Sebelum wujudnya Perlembagaan Persekutuan ini, Perlembagaan hanya ada di negeri-negeri. Untuk menjadi sebuah negara, Persekutuan Tanah Melayu hendaklah mempunyai sebuah Perlembagaannya sendiri untuk membentuk sebuah negara Persekutuan. Maka, daripada tidak mempunyai Perlembagaan, Persekutuan mempunyai sebuah Perlembagaan bertulis. Apabila mempunyai Perlembagaan bertulis, seperti yang telah disebut di atas tadi, Perlembagaan tersebut menjadi undang-undang tertinggi bagi Tanah Melayu. Untuk membolehkan Islam menjadi sebahagian daripada elemen penting dalam Perlembagaan bertulis tersebut, ia hendaklah dinyatakan, atau diisytiharkan dan disahkan dengan rasmi dalam Perlembagaan bertulis tersebut.

Oleh itu, di peringkat Persekutuan Islam telah diterima sebagai agama bagi Persekutuan melalui Perkara 3(1). Penegasan yang sah tidak diberikan kepada agama-agama lain sebagaimana yang telah diberikan kepada agama Islam. Agama-agama lain, walaupun diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan, tetapi tidak disebut dengan namanya dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan negeri. Penegasan ini penting kerana peruntukan ini telah mengesahkan kedudukan Islam sebagai agama bagi negara. Kesan daripada penegasan ini ialah, Islam bukan menjadi agama untuk upacara-upacara keraian atau untuk

¹⁵ Perkataan "rasmi" dalam di sini merujuk kepada maksud yang diberikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa. Perkataan "rasmi" yang dimaksudkan ialah sebagai sesuatu, atau dalam hal ini agama Islam "disahkan oleh kerajaan atau yang berkuaitkuasa, yang diisytihar (ditentukan, disahkan) oleh kerajaan atau jabatan dan lain-lain". Kamus Dewan, Edisi ke-4, (2013), ms. 1292

upacara rasmi sahaja, tetapi Islam menjadi agama negara dan seterusnya hendaklah berpengaruh dalam membentuk polisi pentadbiran dan hala tuju negara. Sekiranya agama Islam tidak disahkan atau dirasmikan dalam Perlembagaan sebagai agama negara, maka Islam tidak boleh menjadi asas, dasar atau juga elemen rujukan dalam pembentukan polisi dan pentadbiran negara.

Sebagai rumusan, penegasan ini, tanpa ragu-ragu, telah mengurniakan kepada Islam status istimewa berbanding agama-agama lain. Oleh kerana Perkara 3(1) itu telah menyebut agama Islam dengan namanya, maka agama Islam telah diletakkan pada kedudukan yang ditinggikan dan ini juga membawa implikasi bahawa Islam mempunyai dominasi juga pengaruh yang kuat dalam hal ehwal budaya, undang-undang, sosial dan politik negara.

Menafikan Pemisahan Agama dan Negara

Peruntukan mengenai agama Islam menafikan pemisahan antara agama dan negara. Terdapat beberapa pandangan akademik mengenai Perkara 3. Abdul Aziz Bari menghujah bahawa Perkara 3 memberi kesan sebagai satu ideologi dan tunjang kepada falsafah negara.¹⁶ Beliau juga berpendapat bahawa Perkara 3(1) juga boleh dikatakan sebagai menghakis sifat sekular negara, walaupun tidak semestinya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam sebenar.¹⁷ Mengenai menghakis sifat sekular negara ini, kita perlu mengambil perhatian bahawa, pada hakikat dan fakta, negara ini tidak pernah dikenali sebagai negara sekular. Sistem undang-undang, termasuk Perlembagaan negeri-negeri telah mengiktiraf tentang kedudukan agama Islam, malah, ia juga tidak pernah disangkal oleh British. Malah, semasa pentadbiran British terdapat pelbagai undang-undang berkaitan Islam telah diluluskan, termasuk undang-undang jenayah Islam. Oleh itu, amat benar jika dikatakan bahawa negara ini telah menganut agama Islam sejak sebelum merdeka dan negara telah menegaskan sifat agamanya setelah wujudnya Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

Shad Salem Faruqi juga pernah menyatakan bahawa Perkara 3(1) telah memusnahkan pemisahan gereja-negeri. Pandangan ini memberikan Perkara 3(1) kesan yang meluas, terutamanya dalam format piawai asas dalam bidang undang-undang dan juga pentadbiran awam. Ia akan melengkapkan idea bahawa Islam adalah ideologi negara dan juga negeri-negeri (walaupun Islam sebenarnya bukanlah ideologi, tetapi satu cara hidup - al-deen). Ini kerana sistem pembinaan negara ini secara umumnya telah memberikan kedudukan yang tinggi kepada Islam. Berhubungan dengan ini Aziz Bari juga mengemukakan pandangan bahawa tertakluk kepada pengubahsuaian tertentu, struktur Perlembagaan yang sedia ada dan rangka kerja boleh menampung sistem Islam.

Pendapat serupa dapat dilihat pada pandangan Mohamed Imam, seorang pensyarah undang-undang Perlembagaan yang berasal dari India dan telah berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan seterusnya Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah menegaskan hujah bahawa Perkara 3(1) mengenakan kewajipan atau tanggungjawab ke atas negara untuk memelihara, mempromosikan dan melaksanakan urusan-urusan berkaitan agama Islam.¹⁸ Pandangan beliau ini boleh dipersetujui kerana, setelah diiktiraf atau disahkan Islam sebagai agama bagi negara, kerajaan perlu bertanggungjawab untuk memelihara dan mempromosikan statusnya. Kenyataan ini boleh disokong dengan lafaz sumpah Yang di-Pertuan Agong yang dimaktubkan dalam

¹⁶ Lihat Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005, h. 12

¹⁷ Abdul Aziz Bari, "Islam in the Federal Constitution: A Commentary on the Decision of Meor Atiqulrahman," [2002] 2 MLJ cxxix. Lihat juga Abdul Aziz Bari *Perlembagaan Persekutuan Malaysia : Asas dan masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2991, hh. 249 - 255

¹⁸ Mohamed Imam, "Freedom of Religion under the Federal Constitution of Malaysia – A Reappraisal", [1994] 2 CLJ Ivii.

Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan dan juga peruntukan tentang lafaz sumpah lantikan raja bagi negeri-negeri.

Seandainya tafsiran akademik sebegini diberikan kepada Islam dalam Perkara 3, maka adalah munasabah untuk dikatakan bahawa, sebagai agama bagi Persekutuan, Islam mempunyai kesan dan implikasi yang nyata dari segi kewibawaan dan fungsi. Mungkin boleh juga dikatakan bahawa, apa yang tersurat dalam Perkara 3(1) agak jelas, yang mana, setelah diisytiharkan sebagai agama bagi Persekutuan, semestinya Islam diberi keistimewaan dan hendaklah diterima sebagai panduan dalam tatacara hidup bernegara serta membentuk falsafah negara.

Keistimewaan di sini bukan sahaja kerana terdapat peruntukan-peruntukan lain yang memberi kelebihan kepada Islam, tetapi kerana Perkara 3 itu sendiri. Ini kerana setiap peruntukan di dalam Perlembagaan boleh dibaca dengan sendiri.

Sementara itu, Shad S. Faruqi juga memberi perhatian bahawa deklarasi mengenai Islam sebagai agama Persekutuan adalah bagi maksud menggalakkan Islam sebagai agama dalam aspek, moral, sosial dan ekonomi, membolehkan negeri untuk menggalakkan pendidikan Islam dan cara hidup Islam untuk menaikkan semangat yang umat Islam dan membenarkan penggunaan wang cukai untuk tujuan Islam dan menggalakkan kedudukan Islam.

Implikasi-implikasi lain yang di sebut di atas mungkin boleh dikatakan sebagai implikasi daripada Perkara 3(1) yang menjadikan agama Islam lebih istimewa kedudukannya berbanding agama-agama lain. Walaupun tafsiran ini mungkin tidak mutlak, tetapi Perkara 3 itu adalah bukti konkrit bahawa Perlembagaan mengiktiraf kedudukan istimewa Islam.

Tambahan pula, ia juga mungkin untuk mengatakan bahawa dengan mempunyai Perkara 3(1) dalam Perlembagaan, maka Persekutuan, sebagai satu entiti, mengaku Islam dan mesti menunaikan kewajipan agama. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa tidak mungkin bagi Persekutuan untuk menyatakan semua kewajipan agama dan ia tidak dapat memiliki yang 'aqidah - intipati kepercayaan agama - kerana negara bukan seorang manusia. Pada pandangan penulis, manifestasi ajaran agama dalam konteks negara sudah tentu tidak semestinya sama dengan individu. Namun, ia adalah mencukupi bagi Persekutuan, untuk menyatakan agamanya dalam undang-undangnya yang paling tinggi, iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks Perlembagaan, ia boleh dikatakan bahawa akidah negara itu wujud dalam Perkara 3(1). Sekiranya Perkara 3(1) diterima sebagai akidah negara, maka ini memberi implikasi bahawa Islam adalah acuan cara hidup bernegara, di mana ajaran-ajaran dan cara hidup serta hukum-hukumnya adalah bahagian penting dalam menentukan hala tuju dan ketatanegaraan Malaysia.

Perlembagaan Menjamin Kebebasan Beragama

Perlu juga diambil perhatian bahawa, Perkara 3 (1) juga mengekalkan kedudukan agama-agama lain dalam bahagian kedua fasal ini. Fasal ini juga ada menyebut bahawa agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dalam mana-mana bahagian Persekutuan. Perkara 3(1) ini jelas menjamin kebebasan beragama, walaupun mempunyai agama bagi negara, iaitu Islam. Ia mungkin bertujuan untuk menjamin kedudukan orang bukan Islam, di mana ia telah dinyatakan dalam Kertas Putih bahawa pengisytiharan agama Persekutuan dalam Perlembagaan tidak akan menjejaskan kebebasan beragama orang bukan Islam.

Sebenarnya, jika di lihat dari perspektif ajaran agama Islam atau prinsip kebebasan beragama dalam Islam, bahagian kedua dalam Fasal 3(1) itu (...; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai) tidak begitu signifikan untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula, hak untuk kebebasan beragama dijamin dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana ajaran Islam itu sendiri tidak menafikan kebebasan beragama; Islam tidak membenarkan pemelukan kepada agama Islam secara paksaan; Islam menjaga hak beragama orang-orang bukan Islam. Prinsip kebebasan beragama dan formula "aman dan damai" ini amat jelas dalam ayat-ayat suci al-Quran. Ini benar kerana dalam kepercayaan Islam tidak ada paksaan dalam agama. Sebagai contoh, kita boleh lihat dalam ayat al-Baqarah 256 yang bermaksud,

Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui

Begitu juga dengan ayat-ayat al-Quran yang memenuhi Surah al-Mumtahinah, surah ke-60 dalam al-Quran. Pada awal Surah ini al-Quran memberi peringatan supaya umat Islam tidak menjadikan musuh-musuh Allah sebagai teman rapat atau berkasih sayang dengan mereka. Namun, dalam ayat ke-8 Surah ini al-Quran tidaklah menganggap semua mereka yang bukan Islam itu musuh Allah. Oleh itu, al-Quran menyuruh orang-orang Islam berurusan bersama mereka dengan baik selagi mereka tidak memusuhi Allah dan agamanya. Ayat ke-8 dan ke-9 surah al-Mumtahinah ini bermaksud:

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil (8) Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim

Begitu sekali prinsip kebebasan beragama dan cara pergaulan bersama orang bukan Islam yang telah disarankan oleh al-Quran. Prinsip "aman dan damai" yang dimaksudkan dalam (terjemahan) ayat-ayat suci di atas.

Namun begitu, dalam konteks negara kita, mungkin dengan adanya peruntukan sebegini, ia dapat mengelakkan silap faham tentang agama Islam itu sendiri. Maka eloklah juga dengan adanya penegasan tentang kebebasan beragama dalam Perkara 3(1) ini, ia akan dapat menyangkal prasangka tentang paksaan yang mungkin terhasil daripada pengiktirafan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Perkara 3(1) ini juga boleh menggambarkan bahawa identiti agama-agama lain tidak boleh bersaing dengan identiti Islam kerana agama-agama lain hanya boleh diamalkan dengan aman dan damai.

Formula "aman dan damai" ini menunjukkan satu ikatan kepada kebebasan beragama. Setiap agama lain, selain daripada agama Islam, hendaklah diamalkan dengan aman dan damai dan menghormati agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Sekiranya amalan agama lain itu tidak dibuat dalam keadaan "aman dan damai" maka ia tidak boleh diteruskan. Sebagai contoh, mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa, penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan beragama Islam telah tidak menepati formula "aman dan damai". Antara lain, atas dasar itu, Mahkamah telah tidak membenarkan terbitan berkaitan agama lain, selain Islam, untuk menggunakan istilah atau kalimah Allah.

Islam Urusan Negeri

Walaupun diisytiharkan sebagai agama bagi Persekutuan, Islam kekal sebagai perkara atau urusan negeri. Perkara 3(1) tidak menjadikan Islam satu subjek di bawah urusan atau pengendalian Persekutuan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja menjadi Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri tanpa Raja dan Wilayah-Wilayah Persekutuan, ketua agama Islam ialah Yang di-Pertuan Agong. Ini termaktub dalam Perlembagaan Negeri.

Jika disingkap sejarah memasukkan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, seperti yang telah disebut di awal buku ini, Raja-Raja Melayu pada awalnya enggan menerima cadangan Parti Perikatan meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan. Baginda Raja-Raja Melayu mahu Islam dikekalkan sebagai agama bagi negeri-negeri Melayu dan dinaungi baginda di negeri-negeri. Namun, setelah diyakinkan oleh pimpinan politik bahawa walaupun Islam diisytihar sebagai agama bagi Persekutuan Tanah Melayu, urusan Islam tetap kekal di bawah payung kuasa baginda di negeri, maka baginda Raja-Raja memberikan perkenan untuk meletakkan Islam sebagai agama bagi negara ini. Alasan kepada Raja-Raja Melayu yang berpendirian berbeza tentang hal ini belum dapat dipastikan. Setakat yang dapat digarap daripada dokumen sejarah ialah dalam nota perbicaraan Memorandum Raja-Raja Melayu bersama Suruhanjaya Reid atau *Hearing of Counsel*. Dalam nota perbicaraan tersebut adalah dapati bahawa semasa berlangsungnya Persidangan Perlembagaan di London,¹⁹ tidak disebut mengenai perubahan kepada struktur pentadbiran Islam yang sedang berkuat kuasa pada masa itu. Oleh itu pada pandangan raja-raja agenda meletakkan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan bukanlah satu keputusan atau persetujuan dalam Persidangan tersebut.

Sebagaimana dimaklumi, Islam telah kekal di Tanah Melayu sepanjang berada di bawah naungan dan penjajahan barat yang membawa kristian ke rantau ini. Oleh itu, Islam juga perlu dikekalkan kedudukannya bersama raja-raja sebagaimana sebelum merdeka walaupun keadaan berbeza setelah merdeka. Selain itu, boleh juga ditafsirkan bahawa raja-raja Melayu masih percaya kepada pengekal hal ehwal Islam lebih baik di negeri-negeri kerana Baginda merupakan ketua agama Islam. Mungkin juga untuk menjaga maruah raja-raja Melayu yang telah menyerahkan sebahagian besar kekuasaan yang dimiliki baginda di negeri-negeri kepada Persekutuan.

¹⁹ Persidangan Perlembagaan yang dilangsungkan di London bagi membincang proses kemerdekaan Tanah Melayu. Persidangan ini telah berlangsung pada 18 Jan 1956 dan berakhir pada 6 Feb 1956. Ia dihadiri oleh empat orang wakil Raja-Raja Melayu, Ketua Menteri, tiga orang wakil Parti Perikatan, lima orang wakil daripada kerajaan British serta beberapa orang penasihat dan penasihat undang-undang bagi Persekutuan Tanah Melayu, Kerajaan British dan Pesuruhjaya British. Antara perkara-perkara yang dibincangkan semasa Persidangan ini ialah hal-hal berkaitan pertahanan dan keselamatan dalam negeri, hal-hal kewangan dan ekonomi, perkhidmatan awam dan beberapa perkara berkaitan Perlembagaan. Persidangan ini telah mencadangkan lantikan Suruhanjaya Perlembagaan (yang dikenali juga sebagai Suruhanjaya Reid) untuk merangka draf Perlembagaan merdeka bagi Tanah Melayu. Persidangan tersebut juga telah mencadangkan terma lantikan Suruhanjaya Perlembagaan untuk disahkan oleh Ratu England dan Majlis Raja-Raja. Pembaca boleh merujuk kepada laman web di bawah untuk Laporan Persidangan Perlembagaan di London <http://www.slideshare.net/mb12020/report-of-the-federation-of-malaya-constitutional-conference-in-london-1956>

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang agama Islam adalah satu unsur tradisi dan warisan dalam Perlembagaan maka ia juga mempunyai sejarahnya sendiri. Mungkin juga boleh dikatakan bahawa dalam perkembangan sejarah Islam sebagai agama negara adalah juga sebahagian daripada perkembangan sejarah konsep pemerintahan beraja.

Kesan daripada mengekalkan Islam sebagai urusan negeri, segala hal berkaitan perundangan Islam adalah tertakluk kepada Dewan Undangan Negeri dan begitulah juga berkaitan pentadbiran Islam. Namun begitu, ada beberapa isu lain berkaitan perundangan yang tidak menjadi autonomi negeri. Antaranya ialah bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan perintah agama Islam, yang mana Dewan Undangan Negeri tidak boleh membuat kesalahan yang berada di bawah Senarai Persekutuan dan juga Parlimen diberikan kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri Butiran 1 untuk membuat undang-undang bagi tujuan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Di samping Perkara 3, terdapat banyak lagi peruntukan lain yang mendokong kedudukan Islam dalam Perlembagaan. Ini termasuklah Perkara-Perkara 11(4), 12(2), 150(6A), 160(2) dan 121 dan 5.

Perkara 11(4) - Sekatan dan Kawalan Pengembangan Kepercayaan dan Doktrin

Perkara 11 ialah peruntukan yang menjamin kebebasan beragama. Kebebasan beragama yang dimaksudkan ialah kebebasan menganut dan kebebasan mengamal sesuatu agama. Kebebasan beragama tidak termasuk kebebasan mengembangkan kepercayaan agama lain atau doktrin dalam kalangan orang Islam atau ia tidak termasuk kebebasan memurtadkan atau mengeluarkan orang Islam daripada agamanya. Perkara 11(1) dan Perkara 11(4) menyatakan.

(1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya...

(4) Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam

Perkara 11(4) memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk mengawal atau menyekat sebarang pengembangan kepercayaan agama atau doktrin selain Islam dalam kalangan orang-orang Islam. Walaupun tujuan peruntukan ini tidak dijelaskan di dalam Perlembagaan, alasannya telah disuarakan oleh Raja-Raja Melayu melalui Memorandum baginda kepada Suruhanjaya Reid. Raja-Raja Melayu mahukan satu peruntukan khusus yang boleh melindungi orang-orang Melayu di negara ini daripada dimurtadkan dan dipengaruhi oleh ajaran komunis. Sebagaimana kita faham, ajaran komunis menafikan ketuhanan. Apa yang dibimbangi oleh Raja-Raja Melayu ialah berlakunya pengembangan ideologi sebegini dalam kalangan orang Melayu.

Walaupun hasrat Raja-Raja Melayu sedemikian, hanya untuk menyekat pengembangan ideologi komunisme dalam kalangan orang Melayu, dengan peruntukan yang jelas di dalam Perkara 11(4) ini dapatlah kita menafsirkannya sebagai melindungi orang-orang Islam daripada apa juga fahaman yang boleh membawa mereka kepada kekufuran tanpa mengira apa jua ideologi atau doktrin. Sekiranya suatu doktrin itu bertentangan

dengan ajaran Islam yang sebenar, maka ia tidak boleh disebarikan dalam kalangan orang Islam.²⁰ Apa yang tersurat dalam Perlembagaan Persekutuan ialah, kedudukan orang-orang Islam terjamin dalam erti kata mereka bebas daripada dakyah agama lain. Namun setakat hari ini secara praktikalnya peruntukan ini tidak dilaksanakan dengan baik. Kalaupun ada peruntukan di dalam enakmen negeri-negeri, namun penguatkuasaanya boleh dikatakan agak terbatas. Sehingga hari ini belum terdapat kes-kes yang dilaporkan mengenai penguatkuasaan undang-undang berkaitan sekatan dan kawalan pengembangan doktrin atau agama lain dalam kalangan orang-orang Islam. Cuma mungkin kita dapat melihat insiden di Negeri Selangor yang melibatkan serbuan Jabatan Agama Islam Selangor ke atas sebuah premis di Damansara dan juga hal berkaitan Bible yang menggunakan kalimah Allah.

Perkara 12 - Bantuan kepada Institusi Islam

Begitu juga perkara 12(2) yang membolehkan kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri memperuntukkan perbelanjaan dari segi kewangan dan juga bantuan lain kepada institusi-institusi Islam.

Tun Salleh Abas (mantan Ketua Hakim Negara) mengemukakan pandangan bahawa kesan daripada peruntukan dalam Perkara 3(1) ialah kerajaan (Persekutuan atau Negeri) mempunyai kebebasan, kuasa dan keistimewaan untuk menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggara institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam menyediakan institusi agama Islam dan menanggung perbelanjaan yang perlu untuk tujuan institusi tersebut.²¹ Tambahan pula, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, melalui Akta Perbekalan Tahunan, diberi kuasa untuk membelanjakan wang untuk pentadbiran agama Islam dan undang-undangnyanya. Seperti juga hujah di atas, pendapat ini mempunyai sokongan Perlembagaan sebagaimana disebut dalam Perkara 12(2).

Perkara 12(2) ini juga memberi kelebihan kepada agama Islam kerana ia membenarkan kerajaan memperuntukkan perbelanjaan dan bantuan lain bagi pendidikan Islam.

(2) Tiap-tiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi pendidikan kanak-kanak dalam agama kumpulan itu sendiri, dan tidak boleh ada diskriminasi semata-mata atas alasan agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan institusi-institusi itu atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang itu; *tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu.*

[penegasan kepada peruntukan yang disendeng]

Perlembagaan tidak menyebut secara spesifik tentang boleh atau tidak boleh kerajaan memberikan bantuan kepada institusi pendidikan agama-agama lain, tetapi jelas membenarkan bantuan dalam bentuk dana kewangan dan sumber manusia bagi institusi agama Islam. Oleh yang demikian, masih boleh dihujah lagi tentang keberlembagaan atau tidak sekiranya kerajaan memberikan dana atau bantuan kepada institusi agama lain.

²⁰ Lihat Shamrahayu A. Aziz, *Propagation of Religious Doctrines to Muslims: A Legal perspective* [2010] 2 MLJ cx – cxxiv

²¹ Lihat Mohamed Salleh Abas, *Selected Articles and Speeches on Constitution, Law and Judiciary*, Kuala Lumpur: Malaysian law Publishers Sdn Bhd, 1984, h. 45

Dengan adanya peruntukan Perkara 12(2) ini kedudukan Islam yang istimewa amat ketara. Keistimewaan dapat dilihat sebagai memihak kepada Islam. Menerusi peruntukan ini seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961 telah dibuat untuk mewajibkan mana-mana sekolah yang menerima bantuan kerajaan supaya memperuntukkan pengajaran agama Islam kepada penuntut-penuntut beragama Islam dengan syarat jumlah pelajar di sekolah itu tidak kurang daripada 15 orang.

Oleh sebab dikuasakan dengan nyata oleh Perlembagaan, kedua-dua seksyen Akta Pelajaran 1961 ini dan pelaksanaannya tidak harus dianggap bertentangan dengan Perlembagaan atau dalam apa cara mengamalkan diskriminasi terhadap agama lain semata-mata kerana kerajaan tidak wajib memberi bantuan yang serupa untuk mengajar agama-agama lain.

Perkara 37 dan Jadual Keempat - Sumpah Jawatan Agong

Yang di-Pertuan Agong, sebagaimana disebut dalam Perkara 32 merupakan Ketua Utama Negara. Baginda dilantik oleh Majlis Raja-Raja secara bergilir-gilir setiap lima tahun (Perkara 38 dan Jadual Kelima). Setelah dilantik Yang di-Pertuan Agong akan menjadi Ketua Utama Negara yang menjadi lambang kepada Ketua Utama Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong juga diberikan pelbagai fungsi dan peranan dalam urusan pentadbiran Persekutuan. Antara peranan Yang di-Pertuan Agong yang paling penting ialah sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera (Perkara 41) dan Baginda memiliki kuasa yang khas (*reserved*) bagi pengisytiharan darurat (Perkara 150). Di samping itu, kuasa pelaksana (*Executive Authority*) adalah **terletak hak** dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong (Perkara 39). "Terletak hak" (*vested*) ini bermaksud, pemilikan kuasa pelaksana itu adalah oleh jawatan Yang di-Pertuan Agong walaupun kuasa tersebut umumnya dilaksana oleh penjawat awam. Oleh sebab itu secara amalnya segala urusan kementerian atau agensi kerajaan dibuat dengan *tag* "Urusan Seri Paduka Baginda".

Ketika mengambil tampuk pemerintahan dan pentadbiran negara, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil atau mengangkat sumpah jawatan Baginda. Sumpah jawatan tersebut dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan sumpah jawatan raja-raja di peringkat negeri dimaktubkan dalam Perlembagaan Negeri.

Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan,

(1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah sebelum menjalankan fungsinya mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau semasa ketiadaannya dengan kehadiran hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada); dan sumpah itu hendaklah diakusaksikan oleh dua orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Majlis Raja-Raja.

(2) Timbalan Yang di-Pertuan Agong hendaklah sebelum menjalankan fungsinya, selain fungsi yang boleh dijalankan bagi maksud memanggil Majlis Raja-Raja bermesyuarat, mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau semasa ketiadaannya dengan kehadiran hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada).

Manakala sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong sebagaimana peruntukan Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan

Kami ibni

Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Wallahi:

Wabillahi:

Watallahi:

maka dengan lafaz ini berikrarlah Kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana undang-undang dan Perlembagaan yang telah disahkan dan dimasyurkan dan akan disah dan dimasyurkan di masa hadapan ini. Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sungguh dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri.

Sumpah Bagi Timbalan Yang Di-Pertuan Agong

Kami ibni yang telah dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Malaysia bersumpah dengan melafazkan:

Wallahi:

Wabillahi:

Watallahi:

dan dengan lafaz ini berikrarlah Kami dengan sungguh dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan tanggungan Kami yang telah ditetapkan dan yang akan ditetapkan pada suatu masa ke suatu masa yang ke hadapan ini oleh undang-undang dan Perlembagaan Negeri Malaysia.

Sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat Perlembagaan yang dibaca secara bersama dengan Perkara 37 juga memberi gambaran yang jelas mengenai kedudukan Islam. Bukan sahaja lafaz sumpah tersebut menggunakan nama-nama Allah, bahkan secara nyata sumpah jawatan tersebut menunjukkan tugas Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara atau mempertahankan agama Islam. Pernyataan dalam sumpah jawatan ini menjadikan Yang di-Pertuan Agong, sebagai Ketua Utama Negara mengambil amanah yang paling tinggi dalam jawatannya sebagai ketua negara untuk menjaga Perlembagaan, Undang-Undang dan Islam dengan pentadbiran yang adil.

Perkara 150 - Hukum Syarak Terjamin Semasa Darurat

Selain daripada itu, Perkara 150(6A) menyatakan mengenai kedudukan agama Islam dalam keadaan darurat; yang mana Parlimen, atau pihak Pelaksana (Eksekutif) tidak boleh membuat apa-apa perkara mengenai hukum syarak hatta ketika darurat sekalipun. Walaupun pihak Parlimen atau Eksekutif, (Yang di-Pertuan Agong) boleh membuat apa sahaja undang-undang yang difikirkan perlu bagi tujuan darurat walaupun bertentangan dengan Perlembagaan, mereka tidak boleh membuat apa-apa undang-undang berkaitan undang-undang Islam.

(5) Tertakluk kepada Fasal (6A), semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa, Parlimen boleh, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara, jika didapati oleh Parlimen bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu; dan Perkara 79 tidaklah terpakai bagi suatu Rang Undang-Undang untuk

sesuatu undang-undang yang sedemikian atau bagi sesuatu pindaan kepada sesuatu Rang Undang-Undang yang sedemikian, dan juga tidaklah terpakai mana-mana peruntukan Perlembagaan ini atau peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang menghendaki apa-apa keizinan atau persetujuan bagi meluluskan sesuatu undang-undang atau apa-apa rundingan mengenainya atau yang menyekat permulaan kuat kuasa sesuatu undang-undang selepas undang-undang itu diluluskan atau yang menyekat Rang Undang-Undang daripada dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya.

(6) Tertakluk kepada Fasal (6A), tiada peruntukan mana-mana ordinan yang dimasyhurkan di bawah Perkara ini, dan tiada peruntukan mana-mana Akta Parlimen yang diluluskan semasa Proklamasi Darurat berkuat kuasa dan yang mengisytiharkan bahawa didapati oleh Parlimen undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat, boleh menjadi tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini.

(6A) Fasal (5) tidak boleh memperluas kuasa Parlimen mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak; dan juga Fasal (6) tidak boleh menjadikan sah mana-mana peruntukan yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan ini yang berhubungan dengan apa-apa perkara sedemikian atau berhubungan dengan agama, kewarganegaraan, atau bahasa.

[Penegasan kepada peruntukan yang disendengkan]

Perkara 121(1A) dan Perkara 5 - Pengiktirafan kepada Mahkamah Syariah

Perkara 121(1A) juga memberi kedudukan yang tinggi kepada agama Islam dengan mengiktiraf kuasa Mahkamah Syariah. Penambahbaikan kepada kedudukan Mahkamah Syariah diharap dapat dilihat dari sudut pindaan Perlembagaan ini. Kes *Faridah Dato' Talib*²² memberi gambaran bahawa Mahkamah Syariah adalah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang jelas mengenai perkara-perkara berkaitan Islam. Namun, selepas kes *Sukma Darmawan* kedudukan Mahkamah Syariah mula dipersoalkan kembali. Namun begitu, perkembangan sejak akhir-akhir ini nampaknya agak membimbangkan kedudukan Mahkamah Syariah, terutamanya dalam perkembangan terakhir ini, terutamanya kes-kes yang berkaitan status agama. Dalam kes yang terakhir, iaitu kes Mohamad Raihan atau Rayappan, isu ini kembali hangat. Nampaknya kewibawaan Mahkamah agak tercabar bila mana para saksi enggan menghadirkan diri ke Mahkamah Syariah walaupun telah dikeluarkan sepina. Mungkin isu ini akan berlaku lagi di masa hadapan. Oleh itu, mahkamah Syariah memerlukan satu pembaharuan dari sudut perundangan. Mahkamah Syariah hendaklah dilihat sebagai mahkamah yang berwibawa dan bukan merupakan mahkamah subsidiari tetapi selari dengan mahkamah sivil. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Azlina Jailani* memberi pendekatan menghormati mahkamah Syariah atau institusi agama Islam apabila memutuskan supaya seseorang yang mahu menukar status agama di dalam kad pengenalan hendaklah mendapat pengesahan pertukaran agama daripada institusi agama berkaitan.

Dalam *proviso* kepada Perkara 5(4) juga dapat dilihat kedudukan Mahkamah Syariah, yang mana pesalah yang ditahan di bawah undang-undang Syariah hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Syariah.

²² *Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn. Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793

Beberapa Keputusan Mahkamah Berkaitan Islam

Walaupun peruntukan dalam Perkara 3 ini agak jelas kelihatan secara harfiahnya, namun ia masih lagi mendapat pentafsiran berbeza. Peruntukan ini telah menghadapi beberapa kekeliruan. Keputusan mahkamah setakat ini hanya membantu sedikit sahaja,²³ kecuali dalam beberapa keputusan mahkamah yang mutakhir.

Kes pertama yang diputuskan oleh Mahkamah mengenai Perkara 3 ini ialah kes yang dikenali ramai sebagai kes *Che Omar Che Soh*.²⁴ Kes *Che Omar Che Soh* ini berkaitan satu alasan tambahan bagi rayuan dalam suatu permohonan untuk mendapatkan keputusan daripada Mahkamah Agung tentang kesahan hukuman mati mandatori. Ketika cuba berhujah mengenai hukuman mati mandatori bagi kesalahan berkaitan dadah (drug trafficking offence) dan kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Hukuman Dinaikkan) adalah bercanggah dengan prinsip Islam dan seterusnya menjadi tidak sah, peguam-peguam bijaksana (iaitu Mr. S.Sivasubramaniam, Mr. T Mura Raju dan Mr. Ramdas Tikamdas) menghujah bahawa oleh kerana Islam adalah agama bagi Persekutuan menurut Perkara 3(1) dan oleh kerana Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara sebagaimana peruntukan di bawah Perkara 4(1) maka hukuman mati bagi kesalahan bukan hudud atau qisas mengikut hukum Islam adalah bercanggah dengan peruntukan Islam dan sekaligus ia adalah tidak berperlembagaan.

Semasa mentafsir perkataan Islam dalam Perkara 3(1), Hakim Yang Arif dalam penghakimannya telah menyatakan,

The first point to consider here is the meaning which could be given to the expression "Islam" or "Islamic religion" in Article 3 of the Constitution. If the religion of Islam in the context [*56] means only such acts as relate to rituals and ceremonies, the argument has no basis whatsoever. On the other hand, if the religion of Islam or Islam itself is an all-embracing concept, as is normally understood, which consists not only the ritualistic aspect but also a comprehensive system of life, including its jurisprudence and moral standard, then the submission has a great implication in that every law has to be tested according to this yard-stick.

There can be no doubt that Islam is not just a mere collection of dogmas and rituals but it is a complete way of life covering all fields of human activities, may they be private or public, legal, political, economic, social, cultural, moral or judicial. This way of ordering the life with all the precepts and moral standards is based on divine guidance through his prophets and the last of such guidance is the Quran and the last messenger is Mohammad S.A.W. whose conduct and utterances are revered. (See S. Abdul A'la Maududi, *The Islamic Law and Constitution*, 7th Ed., March 1980.)

The question here is this: Was this the meaning intended by the framers of the Constitution?

Setelah merujuk kepada sejarah kedatangan British ke Tanah Melayu, dan pentadbiran Islam serta perundangan negara semasa pemerintahan British, pada pendapat Hakim Yang Arif, agama Islam telah dipecahkan kepada dua aspek yang berbeza, iaitu *the public aspect and the private aspect* dan pada pandangan mahkamah, "the British has turned the system into a secular institution". Pada penghujung penghakimannya, pada pandangan

²³ Lihat Shamrahayu A. Aziz, "Islam as the Religion of the Federation: The Scope and Implications", (2006) 14 IJUMIJ, 33 – 46

²⁴ *Che Omar Bin Che Soh Iwn. Public Prosecutor; Wan Jalil Bin Wan Abdul Rahman & Anor Iwn. Public Prosecutor* [1988] 1MLJ 55

Hakim Yang Arif telah berpandangan bahawa, *undang-undang Islam* atau "Islamic law was rendered isolated in a narrow confinement of the law of marriage, divorce, and inheritance only".²⁵

Semasa membuat tafsiran ini Mahkamah tidak menganalisis peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri-Negeri yang telah digubal bagi tujuan kemerdekaan dan seterusnya menjadi punca kepada perundangan semasa. Ketiadaan analisis ini yang dikaitkan dengan Perkara 3 mewujudkan satu kelompongan pada keputusan mahkamah. Di samping menggunakan pendekatan sejarah, Mahkamah seharusnya melihat kepada keseluruhan Perlembagaan Persekutuan untuk menentukan maksud perkataan Islam dalam Perkara 3 sebagaimana diniatkan oleh penggubal Perlembagaan Persekutuan. Walaupun pendekatan sejarah yang diambil oleh mahkamah adalah diterima dalam pentafsiran Perlembagaan, tetapi ia juga mempunyai kelemahan. Ini kerana tafsiran kepada setiap satu peruntukan dalam Perlembagaan hendaklah mengambil kira kesemua peruntukan Perlembagaan serta niat sesuatu peruntukan itu dimasukkan dalam Perlembagaan, yang bukan hanya berdasarkan sejarah umum negara. Oleh itu dalam membuat sesuatu tafsiran Perlembagaan rujukan juga hendaklah dibuat kepada dokumen-dokumen sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan, dan bukan semata-mata sejarah pentadbiran British secara umum. Rujukan kepada dokumen-dokumen seperti Laporan Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid) dan juga Kertas Putih adalah amat penting. Sekiranya Mahkamah telah merujuk kepada dokumen-dokumen tersebut dan juga membaca keseluruhan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, mungkin penghakiman dalam kes *Che Omar Che Soh* ini ada kelainan daripada yang telah diputuskan. Sebagai contoh, pengertian Perkara 3 juga boleh digandingkan dengan Sumpah Jawatan yang perlu diambil oleh Yang di-Pertuan Agong sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun pun komentar yang diberikan kepada keputusannya, kes *Che Omar Che Soh* ini membuat keputusan bahawa undang-undang yang bercanggah dengan dengan undang-undang Islam adalah sah. Diputuskan juga bahawa suatu undang-undang adalah tidak sah sekiranya ia bercanggah dengan Perlembagaan. Oleh itu, jika di analisis dengan baik, kes ini sebenarnya tidak memutuskan pengertian sebenar maksud perkataan Islam dalam Perkara 3. Keputusan hakim adalah hanya berkaitan isu yang dibawa ke hadapannya, iaitu tentang kedudukan undang-undang yang dianggap tidak selaras dengan maksud Islam dalam Perkara 3.

Oleh itu, keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agung dalam kes ini tidaklah dengan mutlak meletakkan sifat sekular negara; ia cuma memutuskan bahawa undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang Islam masih lagi sah. Oleh yang demikian, Hakim Yang Arif sebenarnya telah tidak memberikan pengertian tentang maksud atau implikasi sebenar perkataan "Islam" dalam Perkara 3. Hakim cuma membuat pengertian kepada perkataan Islam dalam ruang yang sempit ketika menyatakan perkara berkaitan undang-undang sahaja.

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa Mahkamah Agung dalam kes ini telah gagal memberikan pengertian yang tepat dalam hal undang-undang Islam. Hakim telah tidak menjelaskan jenis-jenis hukuman yang boleh dihukum dengan hukuman mati (sama ada mandatori atau sebaliknya) menurut sudut pandang hukum Islam yang sebenar.

Walaupun begitu keputusan kes *Che Omar Che Soh*, terdapat keputusan mahkamah yang menyatakan tentang kedudukan istimewa Islam dalam Perlembagaan. Misalnya kes-kes *Azlina Jailani*²⁶ dan *Meor Atiqulrahman*.²⁷

²⁵ *Che Omar Che Soh* ms. 56

²⁶ *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah & Anor* [2004] 2 MLJ 119

Hakim Abdul Hamid Mohamad dalam kes *Kamariah Ali*²⁸ pula menta'ulkan bahawa kedudukan Islam dalam Perlembagaan adalah berbeza dengan agama-agama lain. Pun begitu, keputusan dalam ketiga-tiga kes ini tidak menghuraikan sepenuhnya tentang kesan kepada Islam sebagai agama Persekutuan yang disebut dalam Perkara 3(1). Kecuali kes *Che Omar Che Soh* yang menyatakan bahawa sesuatu undang-undang yang bercanggah dengan Islam masih lagi sah walaupun ada Perkara 3, keputusan-keputusan dalam kes-kes lain hanya menyatakan tentang kedudukan Islam dalam Perlembagaan yang melebihi atau mengatasi agama-agama lain tanpa meletakkan sebarang ketegasan kepada kedudukan sebenar Islam atau implikasi yang lahir daripada peruntukan dalam Perkara 3(1). Malah masih belum ada kes yang menghuraikan sejarah Perlembagaan, terutamanya berkaitan kedudukan Islam dalam Perlembagaan secara mendalam walaupun ada mahkamah mengambil pendekatan sejarah dalam mentafsir peruntukan berkaitan. Ini mungkin disebabkan kes-kes tersebut hanya melibatkan kedudukan Islam dalam konteks kebebasan beragama dan bukan kes yang khusus membuat keputusan berkaitan Perkara 3 secara umum atau Perkara 3(1) secara khusus.

Walaupun begitu, dalam perkembangan mutakhir, iaitu dalam keputusan kes *ZI Publication*²⁹ yang diputuskan pada penghujung tahun 2015, Mahkamah Persekutuan sebulat suara telah mengisytiharkan bahawa Perkara 3(1) mempunyai kedudukan penting dalam Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Persekutuan, dalam membicarakan persoalan berkaitan skop kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan telah memutuskan bahawa kebebasan bersuara (dalam kes ini penerbitan yang bercanggah dengan hukum syarak) hendaklah juga dibaca bersama Perkara 3 yang mengisytiharkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Thus, in the present case, we are of the view that Article 10 of the Federal Constitution must be read in particular with Articles 3(1), 11, 74(2) and 121. Article 3(1) declares Islam as the religion of the Federation. Article 11 guarantees every person's right to profess and practise his religion and to propagate it.³⁰

Di samping itu, mahkamah juga telah memutuskan bahawa Dewan Undangan Negeri mempunyai bidang kuasa untuk membuat kesalahan berkaitan perintah-perintah agama Islam dan ini termasuklah penerbitan yang bercanggah dengan hukum syarak.

The purpose of the SSLA in enacting the impugned section is clear, i.e. to control religious publication which is contrary to Islam. It is also a measure to prohibit the dissemination of any wrongful belief and teaching among Muslims, through publication of any book or document or any form of record containing anything which is contrary to Islamic law. What is contrary to Islamic law is without doubt against the precepts of Islam. Thus, the SSLA was acting within its legislative power in enacting the impugned section. It is an offence against the precepts of Islam and precepts of Islam is not found in the Federal List. In consequence, there is no merit in the petitioners' argument that in enacting the impugned section, the SSLA was in fact enacting on a matter in the Federal List.³¹

²⁷ *Meor Atiqulrahman Ishak & Yang lain v Fatimah Sihi & Yang lain* [2000] 1 CLJ 393

²⁸ *Kamariah bte Ali dan lain-lain lwn. Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi* [2002] 3 MLJ 657

²⁹ Dalam Mahkamah Persekutuan Malaysia (Bidang Kuasa Asal) No: 1-12-2012(B) Antara *ZI Publications Sdn Bhd (Company No. 398106-W) & Mohd Ezra Bin Mohd Zaid lwn Kerajaan Negeri Selangor* (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor (Pencelah-Pencelah); Coram (para Hakim Yang Bijaksana; Raus Sharif (Presiden Mahkamah Rayuan); Zulkefli Ahmad Makinudin (Ketua Hakim Malaya); Abdul Hamid Embong (Hakim Mahkamah Persekutuan); Ahmad Maarop (Hakim Mahkamah Persekutuan); dan Abu Samah Nordin (Hakim Mahkamah Persekutuan)

³⁰ *Ibid*, Perenggan 17

³¹ *Ibid*, Perenggan 27

Keputusan kes *ZI Publication* ini menegaskan tafsiran yang patut diberikan kepada kedudukan Islam dalam Perlembagaan. Mahkamah Persekutuan telah menggunakan pendekatan 'konstruksi harmoni' (harmonious construction) antara kesemua peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam membuat tafsiran kepada skop kebebasan bersuara dalam Perkara 10. Pendekatan ini telah dapat menyerlahkan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Pendekatan ini telah mengimbangi kedudukan Islam dalam perbahasan berkaitan kebebasan asasi. Dalam mengambil pendekatan ini Hakim Yang Arif telah merujuk, terutamanya, kepada dua kes yang telah diputuskan sebelum ini, iaitu kes *Sulaiman Takrib*³² dan kes *Fathul Bari*.³³ Sekiranya kebebasan asasi dalam Perlembagaan dibaca tanpa mengambil kira kedudukan Islam dalam Perkara 3 atau kedudukan undang-undang berkaitan kesalahan yang berada di bawah bidang kuasa Badan Perundangan Negeri, nescaya tafsiran tersebut akan memadamkan semangat atau ruh Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya memusnahkan kerangka Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, tafsiran yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan itu telah mengekalkan ruang implikasi yang sepatutnya dan telah lama dibincangkan oleh para akademik dalam bidang berkaitan.

Melayu dalam Perlembagaan

"Orang Melayu" dalam Perlembagaan diertikan sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan—

(a) yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau (b) ialah zuriat seseorang yang sedemikian (lihat Perkara 160(2)).

Agama Islam merupakan perkata penting bagi orang Melayu. Oleh itu, Perlembagaan itu penting bagi orang Melayu kerana Perlembagaan mengiktiraf Islam sebagai agama bagi Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan juga penting kepada orang Melayu kerana Ketua Utama negara hendaklah juga orang Islam yang berbangsa Melayu. Setiap takhta raja hendaklah disandang oleh Raja Melayu yang sudah tentu hendaklah beragama Islam. Maka, Ketua Negara, di peringkat Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong adalah Melayu dan beragama Islam.

Pada mengisi takhtanya, Yang di-Pertuan Agong dalam sumpah jawatannya sepertimana disebut dalam Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan, yang dilafazkan dengan lafaz Wallahi, Wabillahi, Watallahi, hendaklah sentiasa memerintah negara berdasarkan kepada Perlembagaan, kedaulatan undang-undang, keadilan dan pada setiap masa memelihara agama Islam (Jadual Keempat...Dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sesungguh dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam Negeri).

Selain itu, Yang di-Pertuan Agong, sebagai Ketua Utama Negara, berperanan dalam semua institusi kerajaan. Pada baginda terletak hak kuasa eksekutif (Perkara 39), baginda sebahagian daripada Parlimen (Perkara 44) dan baginda melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri (Perkara 43). Berkaitan Badan kehakiman, baginda, melantik hakim-hakim (Bahagian IX) dan berkuasa membentuk tribunal bagi memecat hakim (Perkara 125(3)).

³² *Sulaiman bin Takrib Iwn Kerajaan Negeri Terengganu (Kerajaan Malaysia, intervener and another application* [2009] 2 CLJ 54

³³ *Fathul Bari bin Mat Jahya & Anor Iwn Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Anor* [2012] 4 CLJ 717

Baginda Yang di-Pertuan Agong juga mengisytihar keadaan darurat apabila ancaman besar ke atas keselamatan, ekonomi atau kesihatan dalam Persekutuan (Perkara 150). Yang di-Pertuan Agong juga merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 41 Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada institusi Yang di-Pertuan Agong, Perlembagaan juga mempunyai peruntukan berkaitan Majlis Raja-Raja atau *Conference of Rulers*. Dalam Perkara 38 Perlembagaan, disebut tentang kuasa dan peranan Majlis Raja-Raja, yang mana, antara lain, berkaitan agama Islam dan keistimewaan Melayu. Sebagai contoh, polisi berkaitan keistimewaan Melayu tidak boleh ditukar kecuali setelah dibawa berbincang dengan Majlis Raja-Raja. Perkara 153, yang antara lain menjaga keistimewaan Melayu dalam hal ehwal pendidikan, ekonomi dan perjawatan awam tidak boleh dipinda melainkan dengan perkenan Majlis Raja-Raja (Perkara 159(5))

Pada peruntukan berkaitan pindaan Perlembagaan, terutamanya Perkara 159(5) perkenan Majlis Raja-Raja hendaklah diperoleh dalam pindaan berkaitan Perkara 10(4) dan undang-undang berkaitan Perkara 10(4); Bah. III (Kewarganegaraan); Perkara 38 (Majlis Raja-Raja); Perkara 63(4) (Kebebasan Bersuara dalam Parlimen) Perkara-Perkara 70, 71(1), 72(4), (Kedudukan Perlembagaan Negeri dan Dewan Undangan Negeri); Perkara 152 (Bahasa Melayu), Perkara 153 (Kuota untuk Melayu) atau kepada fasal 159(5) ini sendiri.

Perlembagaan menjaga orang-orang Islam daripada pengembangan agama lain. Agama atau kepercayaan dan doktrin lain adalah tidak dibenarkan untuk dikembangkan dalam kalangan orang-orang Islam. Ini jelas dalam Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan (Per. 11(4) – oleh itu apa juga perkara yang boleh menyumbang kepada pengembangan agama lain di kalangan orang Islam hendaklah dilarang)

Bantuan kepada agama Islam disebut dengan nyata dalam Perlembagaan (Per. 12(2)). Berkaitan institusi Islam, Perlembagaan memberikan kebenaran kepada kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri untuk memberikan bantuan kewangan dan sumber manusia kepada institusi Islam

Keistimewaan Melayu dengan jelas sekali disebut dalam Perkara 153. Ia menetapkan prinsip bahawa kuota-kuota berkaitan pendidikan, perniagaan dan perjawatan awam hendaklah diberikan kepada Melayu. Berkaitan tanah simpanan kepada Melayu, Perkara 89 adalah berkaitan, yang mana peruntukan ini meletakkan tanah rezab Melayu. "Tanah Simpanan Melayu" dalam Perkara 89 ini bererti, "tanah yang disimpan untuk diberi hakmilik kepada orang Melayu atau kepada anak negeri bagi Negeri tempat terletaknya tanah itu; dan "orang Melayu" termasuklah mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negeri tempat dia bermastautin, dikira sebagai orang Melayu bagi maksud perizaban tanah." (Perkara 89(6)).

Keistimewaan Melayu juga dapat dilihat dalam Perkara 8(5) yang membenarkan penubuhan Rejimen tentera yang dikenali sebagai Rejimen Askar Melayu. Keanggotaan Rejimen Askar Melayu ini adalah dihadkan oleh peruntukan Perlembagaan hanya kepada orang Melayu.

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan yang disebut di atas, dapatlah ditegaskan bahawa, kedudukan bangsa Melayu diambil berat oleh Perlembagaan. Oleh itu, bangsa Melayu adalah bertanggungjawab untuk merealisasikan apa yang disaran dan ditegaskan dalam Perlembagaan ini dan Perlembagaan ini telah meletakkan Bangsa Melayu dengan identiti tertentu dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Penutup

Apabila dilihat kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang dibincangkan, adalah amat jelas sekali bahawa kedudukan agama Islam dan bangsa Melayu adalah berakar dalam Perlembagaan Malaysia. Ia menyusur sejarah negara dan seterusnya telah mengangkat kedudukan bangsa Melayu dan sekaligus menjulang agama Islam. Hakikatnya pula ialah kita masih lagi memerlukan pemerksaan peruntukan-peruntukan berkaitan Melayu dan Islam tanpa menafikan kedudukan kaum dan agama lain. Atas sifat Melayu yang sentiasa bersimpati dan memandag tinggi masyarakat lain, dan atas sifat Islam sebagai agama yang teratur dan mementingkan kesepaduan dan keamanan, maka menjulangnya kedua bangsa dan agama ini tidak akan menghilangkan identiti agama dan kaum lain. Jaminan ini jelas terpancar dalam ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, segala kekuatan yang ada pada Melayu dan Islam dalam Perlembagaan tidak boleh diabaikan. Ia perlu diperkasa melalui mekanisme kenegaraan yang kita terima, seperti sifat ketertinggian Perlembagaan Persekutuan. Keduanya bukan sekadar perhiasan Perlembagaan, keduanya adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

NOTA

Grafik Oleh:

 **INNATION
VENTURES**

014-4001904